



Seandainya ibu bapa anggap anak amanah Allah SWT, maka wajib memelihara mereka sebaiknya termasuk tidak membenarkan aurat anak hatta yang masih bayi didedahkan secara berleluasa"

Dr A'dawiyah Ismail,
Pensyarah Kanan Pusat
Kesejahteraan Insan
dan Komuniti, Fakulti
Pengajian Islam, UKM



Pedofilia bermula dengan zina mata

⊕ Hati-hati muat naik foto anak di media sosial

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Permulaan kepada zina itu daripada pandangan mata dan kini cara menjerat mangsa lebih mudah serta terbuka luas dengan perkembangan teknologi terkini menerusi media sosial, juga pelbagai aplikasi telefon pintar.

Malangnya ramai ibu bapa tidak sedar mereka sendiri sedang memperjudikan maruah anak apabila memuat naik foto dan video aksi yang mengundang perhatian pelaku jenayah seksual kanak-kanak.

Kebanyakannya memberi alasan sekadar suka-suka, sebagai kenangan dan ingin berkongsi kegembiraan dengan rakan di media sosial. Tidak kurang juga ingin mendapatkan perhatian dan berasa puas apabila ramai netizen menekan butang *likes*, *share* dan memberi pujian.

Foto bayi comel dengan pakaian renang ala bikini, video anak kecil menari dan melakukan tutorial solekan semakin popular serta diangkat sebagai aliran terkini sehingga ramai ibu bapa tidak

mahu dianggap ketinggalan mengikutinya.

Ia sedikit sebanyak menjadi penyumbang merebaknya jenayah seksual terhadap kanak-kanak khususnya, pedofilia iaitu kerakusan pelaku yang menjadikan kanak-kanak bawah umur 13 tahun sebagai mangsa nafsu buas mereka.

Jaga kehormatan anak

Kanak-kanak perempuan di bawah umur 13 tahun menjadi sasaran utama jenayah pedofilia kerana mereka dianggap mudah dikuasai dan lemah daripada aspek fizikal.

Ramai dalam kalangan pelaku pedofilia menggunakan foto atau video kanak-kanak sebagai alat untuk melepaskan nafsu syahwat, bahkan ada pihak yang memperdagangkannya di laman web pornografi bagi tujuan perniagaan.

Pensyarah Kanan Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr A'dawiyah Ismail, berkata memelihara kehormatan anak adalah tanggungjawab utama ibu bapa, bahkan ia akan dipersoalkan pada akhirat kelak.

